

<b>Dagangan:</b>  36. COOLING GEL SHEET Trade Name : Super Cool Baby Cooling Gel Sheet	<b>Kod Tarif :</b>  3824.90.900
---	---------------------------------------

**Keterangan :**

Barangan ini merupakan *cooling gel sheet* dalam bentuk kepingan yang berukuran 52 mm x 121 mm. Kepingan ini adalah lapisan kain berwarna putih yang mengandungi lapisan gel yang melekit berwarna kebiruan pada salah satu permukaannya. Lapisan gel ini pula dilitupi dengan satu lapisan plastik nipis berwarna jernih yang boleh ditanggalkan apabila *cooling gel sheet* ini digunakan. Ia dipek dalam *pouch* aluminium sebanyak 3 keping setiap pek.

Berdasarkan maklumat yang diberikan, barangan ini diperbuat daripada komposisi bahan *textile* sebagai *carrier*, lapisan *gel* (campuran air, *gel base*, pewangi, *methyl paraben*, *propyl paraben*) dan lapisan plastik jernih yang menutupi lapisan *gel*. Barangan ini boleh digunakan serta-merta tanpa perlu disejukkan dalam peti sejuk. Barangan ini bukan sejenis dadah (*drug*).

Barangan ini digunakan untuk memberi *cooling effect* bagi kanak-kanak yang demam panas, sakit gigi, pening kepala, keletihan dan *suntan*. *Cooling gel* ini berupaya untuk menyerap serta mengeluarkan haba dari badan dengan cepat dan ia memberi kesan sejuk sehingga 8 jam. Ia mudah dilekatkan pada dahi atau bahagian lain yang terlibat untuk mendapat kesan sejuk yang melegakan. Ia boleh digunakan untuk menggantikan *traditional water pouch* bagi mendapatkan kesan sejuk yang lebih baik dan ia juga boleh disimpan dalam peti sejuk untuk kesan sejuk yang lebih baik. Barangan ini tidak boleh digunakan pada bahagian badan yang luka atau kulit yang ada jangkitan, mulut dan bahagian mata.

Analisis pakar mengesahkan barangan ini merupakan kepingan kain yang mengandungi lapisan gel yang berwarna biru di satu permukaannya dan berukuran 52 mm x 121 mm. Lapisan gel tersebut dilitupi dengan satu lapisan plastik nipis yang mudah ditanggalkan apabila ingin digunakan. Lapisan gel didapati diperbuat daripada air, *glycerin* dan mengandungi ‘*fragrance*’.

Memandangkan barangan *cooling gel sheet* ini bukannya *bandage* atau *plaster intended for use in care or treatment of wounds*, maka *it would preclude classification* di bawah kepala 3005 (*wadding, gauze, bandages, and similar articles*). Malah barangan ini telah disahkan mengandungi *glycerin* yang bersifat *hygroscopic* serta air untuk memberi kesan sejuk dan ia tidak boleh digunakan pada bahagian kulit yang luka atau yang ada jangkitan, mulut dan bahagian mata. Oleh itu, barangan ini adalah **tidak sesuai** dipenjeniskan di bawah kod tarif 3005.90.900 sebagai *other bandages* atau *plaster coated with pharmaceutical substances* yang mempunyai sifat *counter irritant* atau *antiseptic* untuk *medical purposes* seperti keterangan EN di mukasurat VI-3005-1 bagi kepala 3005 iaitu :

**30.05 - Wadding, gauze, bandages and similar articles (for example, dressings, adhesive plasters, poultices), impregnated or coated with pharmaceutical substances or put up in forms or**

*packings for retail sale for medical, surgical, dental or veterinary purposes.*

3005.90 -Other

*This heading covers articles such as wadding, gauze, bandages and the like, of textile, paper, plastic, etc., impregnated or coated with pharmaceutical substances (counter-irritant, antiseptic, etc.) for medical, surgical, dental or veterinary purposes.*

Mengikut maklumat yang diberikan serta pengesahan pakar, *cooling gel sheet* ini mempunyai fungsi yang jelas iaitu untuk memberi kesan sejuk hasil tindakbalas kimia di antara glycerin, air dan bahan-bahan lain dalam *gel* tersebut. Oleh itu, barang ini sesuai sebagai *chemical preparation* untuk memberi kesan sejuk yang melegakan dan barang ini mendapat liputan serta menepati keterangan EN di mukasurat **VI-3824-1** bagi kepala 3824 iaitu :

**38.24 -Prepared binders for foundry moulds or cores; chemical products and preparations of the chemical or allied industries (including those consisting of mixtures of natural products), not elsewhere specified or included (+).**

3824.90 - Other

*This heading covers :*

(A)

.....  
**(B) CHEMICAL PRODUCTS AND CHEMICAL OR OTHER PREPARATIONS**  
.....

*The chemical products classified here are therefore products whose composition is not chemically defined, whether they are obtained as by-products of the manufacture of other substances (this applies, for example, to naphthenic acids) or prepared directly.*

.....  
*The preparations classified here may be either wholly or partly of chemical products (this is generally the case) or wholly of natural constituents (see, for example, paragraph (23) below).*


.....  
*Subject to the above conditions, the preparations and chemical products falling here include :*

(1)- (48) .....

Begitu juga, mengikut WCO *commodities database* barangan seumpamanya yang mempunyai fungsi untuk memberi kesan panas atau sejuk (*heat/cold effect*) sebagai *hot pack* (*for treatment of backaches and aching muscles*) dan sebagai *cold pack* (*for treatment of bruises, strains and migraines*) telah dipenjeniskan di bawah kepala 3824 dan sub-kepala 3824.90.

Berdasarkan deskripsi, kegunaan barangan serta penerangan di atas, barangan ini sesuai dipenjeniskan mengikut **General Interpretation Rule 1& 6** di bawah kod tarif **3824.90 900** Perintah Duti Kastam 2007 sebagai "*other chemical products and preparations of the chemical not elsewhere specified or included*" dengan nama barangan sebenar "*cooling gel sheet*".

**Gambar :**



**COOLING GEL SHEET**

Trade Name : Super Cool Baby Cooling Gel Sheet